



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	23/6/2021	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	TNB			

TNB mula agih bantuan Tabung WTP

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) memulakan penyerahan bantuan menerusi Tabung Warga TNB Prihatin (WTP) kepada rakyat yang terkesan akibat pandemik Covid-19 di seluruh Semenanjung, khususnya golongan B40.

Sebanyak RM270,000 daripada jumlah kutipan tabung RM1.34 juta setakat kelmarin, sedia disalurkan kepada penerima memabatkan pelbagai bangsa dan agama. Setakat ini, RM40,000 telah diagihkan di Kuala Lumpur.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Djin berkata, pihaknya percaya ramai kalangan anggota masyarakat yang terjejas untuk meneruskan kelangsungan hidup berikutan pandemik.

"Sebab itu bantuan ini diagihkan secepat mungkin bagi mencerminkan keprihatinan TNB sebagai sebuah syarikat yang sentiasa di sisi rakyat," katanya dalam kenyataan.

Baharin berkata, berpegang kepada prinsip 'yang ada perlu membantu yang tiada dan di se-



BAHARIN DJIN

balik setiap rezeki ada hak insan lain, penyerahan pantas bantuan menzahirkan kesyukuran warga TNB atas nikmat kurniaan Tuhan secara berkongsi dengan mereka yang memerlukan.

"Saya yakin ramai yang terkesan daripada pelbagai sudut akibat pandemik ini. Terjejas atau kehilangan pendapatan memberi impak besar bukan sahaja kepada individu, malah ahli keluarga masing-masing. Diharap, sumbangan serba sederhana dan ikhlas daripada warga kerja TNB ini dapat sedikit sebanyak meringankan beban mereka,"



SEJUMLAH RM1.34 juta Tabung WTP sedia disalurkan secara berperingkat kepada rakyat terkesan akibat pandemik Covid-19. - GAMBAR TNB

katanya.

Menurut TNB, Tabung WTP dilancarkan pada 9 Jun lalu dengan matlamat mengutip sumbangan daripada warga kerja TNB melalui potongan gaji Jun dan Julai secara sukarela untuk diagihkan kepada golongan

rentan di seluruh Semenanjung.

Penerima manfaat dipilih berdasarkan senarai golongan B40 melibatkan Orang Kurang Upaya, e-Kasih, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan PPRT (di bawah Kementerian Pembangunan Wanita & Masyarakat),

Pusat Zakat Negeri dan maklum balas warga kerja TNB.

Bagi setiap ringgit yang disumbangkan warga kerja, TNB akan menambah nilai yang sama agar manfaat daripada tabung itu dapat dikongsi dengan lebih meluas.